

**HIBAH AMANAH IN THE ISLAMIC FINANCE INDUSTRY IN MALAYSIA:  
ANALYSIS OF SHARIAH ISSUES ON THE TERMS OF AKAD HIBAH**

**HIBAH AMANAH DI INDUSTRI KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA: ANALISA ISU  
SYARIAH TERHADAP SYARAT AKAD HIBAH**

Shofiyah Moidin<sup>i</sup>, Mohd Afandi Mat Rani<sup>ii</sup>, Faezy Adenan<sup>iii</sup>, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif<sup>iv</sup>,  
Muhamad Zuhaili Saiman<sup>v</sup>, S. Salahudin Suyurno<sup>vi</sup>, Norazlina Mamat<sup>vii</sup>,  
Muhammad Hamizan Ab. Hamid<sup>viii</sup> & Muhammad Syahrul Deen Rosli<sup>ix</sup>

- <sup>i</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. shofiyah@uitm.edu.my
- <sup>ii</sup> Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. mohdafandi@uitm.edu.my
- <sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. faezyadenan@uitm.edu.my
- <sup>iv</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. izzatamsyar@ukm.edu.my
- <sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. mdzuhaili@uitm.edu.my
- <sup>vi</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. ssalahud@uitm.edu.my
- <sup>vii</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. norazlinamamat@uitm.edu.my
- <sup>viii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. muhddhamizan@uitm.edu.my
- <sup>ix</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. syahruldeen@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The implementation of hibah Amanah in Malaysia has come in tandem with the development of the Islamic finance industry in the country. Several institutions have offered this instrument to launch the management of Muslim property. Based on the research of several models that have been implemented by Islamic financial institutions, there are a number of issues that require a clear description and answer from a Shariah point of view. Therefore, this study aims to discuss the issue of sharia towards the condition of akad hibah. The study used a qualitative method, in which primary data is collected from in-depth interviews. This study also used descriptive analysis which involved data retrieval through library methods such as turath books, books, journals, Shariah resolutions and fatwas. The discussion of jurists of the past is consulted and researched to form the concept and theme of the analysis. The results of the study found that the trust hibah includes the conditions on the period of ownership and the conditions on the hibah property transaction which has various views on the side of the jurist. The novelty of the study lies in the analysis of conditional hibah in the ruling of fiqh together with the argument for the development of the product of hibah trust.</i></p> <p>Keywords: <i>Hibah, Amanah, Islamic, Finance, Industry.</i></p>
-----------------	--

<b>Abstrak</b>	<p><i>Pelaksanaan hibah amanah di Malaysia telah wujud seiring dengan perkembangan industri kewangan Islam di negara ini. Beberapa institusi telah menawarkan instrumen ini bagi melancarkan pengurusan harta orang Islam. Berdasarkan penelitian terhadap beberapa model yang telah dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam, terdapat beberapa isu yang memerlukan kepada satu huraian dan jawapan yang jelas dari sudut Syariah. Oleh itu, kajian ini bertujuan membincangkan isu syariah terhadap syarat akad hibah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, di mana data primer dikumpul daripada temu bual secara mendalam. Kajian ini juga menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan pengambilan data melalui kaedah kepustakaan seperti kitab turath, buku, jurnal, resolusi Syariah dan fatwa. Perbincangan fuqaha silam dirujuk dan diteliti bagi membentuk konsep dan tema analisis. Hasil kajian mendapati hibah amanah merangkumi syarat ke atas tempoh pemilikan dan syarat ke atas transaksi harta hibah yang mempunyai pelbagai pandangan di sisi fuqaha. Kebaharuan kajian terletak pada analisis hibah bersyarat dalam hukum fiqh bersama-sama dengan hujah pentarjihan untuk pembangunan produk hibah amanah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Hibah, Amanah, Industri, Kewangan, Islam.</i></p>
----------------	--

## PENDAHULUAN

Dalam konteks pelaksanaan hibah amanah di Malaysia ia wujud seiring dengan perkembangan industri kewangan Islam di negara ini. Beberapa institusi telah menawarkan instrumen ini bagi melancarkan pengurusan harta orang Islam. Hibah amanah adalah kontrak pemberian harta hibah kepada penerima hibah seterusnya melantik syarikat atau institusi (seperti bank) sebagai pemegang amanah. Tiga kategori pihak yang menawarkan produk hibah amanah iaitu Institusi Kewangan Islam (*Financial Institution*), Syarikat amanah (*Trustee Company*) dan Majlis Agama Islam Negeri (*State Islamic Religious Council*). Terdapat beberapa institusi kewangan Islam yang menawarkan produk hibah amanah iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Tabung Haji (TH) dan CIMB Trustee. Manakala syarikat amanah yang menawarkan produk hibah amanah iaitu Amanah Raya Berhad, As-Salihin Trustee Berhad dan Wasiyyah Shoppe Berhad (WSB). Majlis Agama Negeri pula terdiri daripada Majlis Agama Islam Selangor, Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa model yang telah dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam, terdapat beberapa isu yang memerlukan kepada satu huraian dan jawapan yang jelas dari sudut Syariah. Isu-isu ini termasuklah seperti, peletakan syarat *ta'lik* ke atas akad hibah, peletakan syarat *tasarruf* harta hibah kepada pemberi hibah, pemilikan (*tamlik*) dan serahan (*qabd*) di dalam akad hibah, *ta'dil* dan *maslahah* perkaitan pensyariaan faraid dan wasiat, pemberi hibah sebagai pemegang amanah, perlantikan pemegang amanah bagi penerima hadiah yang berkelayakan dan sebagainya. Namun kajian ini hanya menfokuskan isu syariah terhadap syarat akad hibah.

## Konsep Hibah Dalam Islam

Menurut Jurjani (1988) perkataan hibah berasal daripada perkataan Arab iaitu '*wahaba*' yang membawa maksud *tabarru'*. Al-Fayumi (1990) dan Ibnu Manzur (2003) menambah, hibah juga boleh difahami sebagai pemberian tanpa balasan. Maksud yang sama juga ditulis oleh Muhamad (2011) dan Abdul Ghani & Ahmad Razali (2018) di dalam penulisan mereka dan digunapakai oleh Bank Negara Malaysia (2016). Rahim et al., (2018) di dalam kajiannya mendefinisikan hibah sebagai satu bentuk pemberian yang tidak mengharapkan sebarang balasan mahupun tujuan yang lain. Istilah hibah yang merupakan kata pinjaman Arab juga diguna pakai dalam penggunaan Bahasa Melayu. Ini dapat dilihat melalui Kamus Dewan

dan Pustaka (2007), hibah adalah pemberian hak (harta) secara sukarela kepada seseorang dengan niat yang baik.

Ibn. Nujaim (t.t); al-Sharbiniyy (1994); al-Zuhailiyy (1989) dan Rahmat (2009) dalam penulisannya menjelaskan terdapat beberapa pentakrifan tentang hibah dari sudut istilah syarak. Menurut Kambol (2019) secara umumnya, hibah membawa maksud satu akad pemberian hak milik (tamlik) sesuatu barang secara sukarela kepada seseorang semasa hidup tanpa mengharapkan balasan atau imbalan serta tanpa sebarang syarat. Sebahagian ulama menambah klausa dalam definisi hibah dengan membawa maksud ketika hidup atau istilah “pada waktu sekarang” bagi membezakan antara hibah dengan wasiat kerana wasiat berlaku selepas kematian si pemberi atau pewasiat seperti yang dijelaskan oleh Ibnu al-Hamam Al-Hanafi & Muhammad bin Abd Al-Wahid (1970) dan Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan ‘Ali Al-Syirbiji (1992).

## **KAJIAN LITERATUR**

Pemakaian gabungan kontrak di dalam hibah amanah menjadikan produk ini tidak selari dengan hibah klasik (Halim & Bustami, 2017) yang mempunyai asas Syariah daripada al Quran, Sunnah, amalan para sahabat dan ijtihad para fuqaha (Nordin et al, 2016). Manakala, dari aspek hukum syarak terdapat beberapa isu fekah yang boleh dikaitkan dengan instrumen hibah amanah di Malaysia. Antaranya ialah konsep asal hibah adalah pemberian ketika pemberi masih hidup. Namun menurut kajian Azhar (2017), Halim & Bustami (2017) dan Muda (2008), hibah amanah dikuatkuasakan setelah kematian pemberi hibah menjadikan hibah ini mempunyai persamaan dengan wasiat.

Selain itu, penggunaan hibah bersyarat di dalam sighthibah amanah dilihat bertentangan dengan syarat sighthibah yang telah dikemukakan oleh para fuqaha. Othman et al., (2017) menjelaskan bahawa syarat tersebut sama ada dikenakan syarat tertentu mahupun disyaratkan dengan tempoh tertentu. Dari aspek yang lain, kajian oleh (Halim & Bustami, 2017) juga menghuraikan hibah amanah turut dikaitkan dengan permasalahan berkaitan perlantikan pemegang amanah dalam keadaan penerima hibah bukan dalam kalangan ‘mahjur alaihi’ seperti kanak-kanak dan orang gila. Ini menyebabkan niat sebenar pemberi hibah boleh dipertikai. Seterusnya ialah aspek penyerahan (*qabd*) dan transaksi (*tasarruf*) yang melibatkan penyerahan harta hibah tidak berlaku semasa hayat pemberi hibah amanah (Muda, 2008) malah ia di wujudkan secara teknikal sahaja.

Daripada analisis di atas, dapat di simpulkan bahawa hibah amanah yang di komersialkan dalam industri kewangan di Malaysia berkait rapat dengan isu syariah. Terdapat kesamaran dalam rukun dan syarat perlaksanaan hibah amanah boleh menjadikannya tidak bertepatan dengan kehendak syariah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Penyelidikan**

Bagi sisi empirikal, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, di mana data primer dikumpul daripada temu bual secara mendalam. Kualitatif ialah kaedah praktikal untuk menggambarkan tingkah laku kajian penyelidikan (Effendi, 2013). Selain itu, kaedah ini mewakili kaedah khas dalam menginterpretasi subjektif kandungan data teks melalui proses pengelasan pengekodan dan mengenal pasti tema secara sistematik (Hsieh dan Shannon, 2005).

Kajian ini mengaplikasikan ulasan naratif keratan rentas menggunakan temu bual secara mendalam untuk memperoleh kefahaman yang mendalam tentang subjek kajian (Robertson & Samy, 2015; Gunarathne & Senaratne, 2017). Pendekatan ini lebih diutamakan kerana isu Syariah berkaitan produk hibah amanah di Malaysia tidak akan diperoleh hanya dengan penelitian dokumen, ia perlu kepada temu bual yang mendalam bagi memperoleh maklumat yang tepat dan tidak bias.

Selain itu, bagi mencapai objektif kajian, kajian ini juga menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan kaedah berasaskan perpustakaan. Perbincangan fuqaha silam dirujuk dan diteliti bagi membentuk konsep dan tema analisis. Kaedah ini digunakan kerana

ianya merupakan pendekatan terbaik bagi mendapatkan data kajian menerusi pelbagai kitab-kitab *turath*, buku, jurnal dan resolusi Syariah dan fatwa. Penemuan disusun dalam bentuk akaun deskriptif, menjelaskan data, tema, atau kategori merentasi data bagi menjawab persoalan kajian (Merriam & Tisdell, 2015)

### **Memilih Responden, Pengurusan Data dan Analisis**

Kaedah persampelan bertujuan dalam menjalankan temu bual membolehkan penyelidikan untuk mencapai objektif kajian (Etikan et al., 2016). Dalam hal ini, penyelidik telah menemu bual Ketua Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pengurus Besar Bahagian Syariah Tabung Haji, Ketua Bahagian Transformasi Perniagaan, Amanah Raya Berhad, Timbalan Presiden As-Salihin Trustee Berhad, Ketua Pegawai Wasiyyah Shoppe Berhad dan Pengarah Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor. Semua responden yang ditemu bual adalah mewakili kepada industri-industri yang menawarkan produk hibah Amanah di Malaysia.

Memandangkan ini merupakan kajian penerokaan, temu bual telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan holistik berkaitan isu Syariah produk hibah amanah di Malaysia. Semua temu bual dirakam menggunakan perakam audio dan ditulis dalam buku nota sebagai data primer untuk kajian ini. Dapatan temu bual kemudiannya ditranskripsi untuk mendapatkan tema yang bersesuaian sebagaimana metodologi yang dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994).

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Bagi memastikan kesahihan data, kajian ini telah menemu bual Ketua Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pengurus Besar Bahagian Syariah Tabung Haji, Ketua Bahagian Transformasi Perniagaan, Amanah Raya Berhad, Timbalan Presiden As-Salihin Trustee Berhad, Ketua Pegawai Wasiyyah Shoppe Berhad dan Pengarah Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor. Semua fakta yang dinyatakan oleh responden telah disahkan oleh semua responden bagi mengelakkan kesilapan yang tidak disengajakan. Sebelum temu bual dijalankan, soalan telah dihantar seminggu lebih awal supaya para responden boleh bersedia untuk jawapan yang terbaik.

Seterusnya, data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini boleh menyokong analisis kualitatif yang bersistematik dan berobjektif. Ia juga menyokong kesahan dan kebolehpercayaan analisis data (Bengtsson, 2016). Kajian ini menggunakan analisis kandungan di mana tema ditakrifkan sebelum dan semasa analisis data kerana ia bermula dengan perbincangan isu-isu Syariah yang wujud pada produk hibah amanah yang terdapat di Malaysia. Analisis kandungan digunakan bagi mengesahkan atau melanjutkan kerangka teori secara konseptual (Hsieh dan Shannon, 2005). Hasil analisis juga di sahkan oleh pakar yang merupakan ahli majlis pengawasan syariah di Industri kewangan Islam dan juga merupakan ahli akademik di Universiti Teknologi Malaysia. Selain itu, hasil dapatan juga telah dibentang dan disahkan di dalam Muzakarah Persidangan Hibah Amanah bersama pihak jabatan mufti dan Majlis Agama Islam dari seluruh Malaysia.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan penelitian terhadap pelaksanaan hibah amanah oleh institusi kewangan Islam, terdapat beberapa isu yang memerlukan kepada huraian dan jawapan yang jelas dari sudut Syariah. Isu yang utama ialah peletakan syarat di dalam akad hibah. Syarat ini merangkumi syarat ke atas tempoh pemilikan dan syarat ke atas transaksi harta hibah.

### **Isu Peletakan Syarat Tempoh Pemilikan ke atas Akad Hibah**

Peletakan syarat ke atas akad hibah amanah terjadi apabila pemberi hibah meletakkan apa-apa syarat yang memberi kesan kepada tempoh pemilikan harta hibah. Syarat ini terbahagi kepada dua iaitu:

Pertama iaitu Syarat *Ta'liq* yang terjadi apabila pemberi hibah meletakkan syarat bahawa pemberian barang hanya berlaku setelah keadaan yang disyaratkan terjadi. Sebagai contoh: “*Aku hadiahkan baju ini kepadamu seandainya Zaid datang*”. Akad hibah yang terikat dengan syarat *ta'liq* adalah tidak sah. Ini kerana hibah adalah suatu pemilikan yang tidak boleh disyaratkan dengan sesuatu yang berisiko kewujudannya. Akad ini mempunyai persamaan hukum syarak dengan hibah *'umra* dan *ruqba*. Pandangan pertama Imam Syafie (al-Qadim) ialah hibah tersebut tidak sah. Manakala pendapat kedua daripada Imam Syafie (al-Jadid) pula menyatakan hibah tersebut sah, tetapi syaratnya terbatal (al-Nawawiy, 1991). Dalam hal ini tidak boleh meletakkan *ta'liq* ke atas akad hibah dengan syarat yang akan datang, sama seperti akad jual beli (Abi Yamaniyy, 2000).

Syarat kedua ialah Syarat *Tawqit* iaitu syarat yang terikat dengan waktu. Syarat ini pula berlaku dalam tiga keadaan iaitu: (a) peletakan tempoh secara umum, (b) peletakan syarat tempoh secara *ruqba* dan, (c) peletakan syarat tempoh secara *umra*. Peletakan syarat tempoh secara umum iaitu apabila pemberi hibah berkata: “*Aku hadiahkan buku ini kepada kamu selama sebulan atau setahun*”. Akad hibah yang terikat dengan waktu atau tempoh adalah tidak sah. Hal ini kerana syarat ini menafikan implikasi akad hibah iaitu pemilikan hak penuh ke atas harta hibah yang berkuat kuasa serta merta. Peletakan syarat tempoh secara *ruqba* pula berlaku apabila pemilikan harta bergantung kepada pihak yang masih hidup iaitu: “*Aku serahkan rumahku ini kepada kamu secara ruqba, jika kamu mati sebelumku, akan aku ambil semula rumah itu tapi jika sebaliknya, ia kekal dalam milik kamu*”. Sighah ini termasuk dalam *sighah* hibah yang dibenarkan syarak meskipun terikat dengan syarat. Akad hibah tersebut sah tetapi syaratnya terbatal berdasarkan beberapa hadis yang warid sama seperti hibah *'umra* (Al-Khin, 1992).

Manakala peletakan syarat tempoh secara *'umra* yang menyatakan pemilikan hibah hanya sepanjang hayat penerima hibah. Sebagai contoh: “*Aku serahkan rumah ini kepada kamu secara 'umra. Sekiranya kamu meninggal, rumah dipulangkan kepadaku*”. Menurut al-Subki di dalam Mughni al-Muhtaj, akad hibah secara *'umra* dan *ruqba* tidak sah berdasarkan kepada dalil qias (al-Sharbiniyy, 1994). Namun terdapat hadis yang membenarkan hibah *'umra* dan *ruqba*, maka dalil hadis hendaklah lebih diutamakan berbanding dalil qias (al-Sharbiniyy, 1994). Al-'Aziz pula menyatakan bahawa akad hibah tidak sah jika terikat dengan tempoh melainkan *'umra* dan *ruqba* (Al-'Aziz, 1983). Terdapat pula hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak (2014), daripada Ummu Kalsum binti Abi Salamah, Rasulullah SAW ketika berkahwin dengan Ummu Salamah, Baginda bersabda:

{لَمَّا تَزَوَّجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُمَّ سَلَمَةَ قَالَ لَهَا: إِنِّي أَهْدِيْتُ إِلَى النَّجَاشِيِّ أَوْاقِيَّ مِنْ مِسْكِ، وَحُلَّةً، وَإِنِّي لَا أُرَاهُ إِلَّا قَدْ مَاتَ، وَلَا أَرَى الْهَدِيَّةَ الَّتِي أَهْدَيْتَ إِلَيْهِ إِلَّا سَتْرُدُّ، فَإِذَا رُدَّتْ إِلَيَّ فَهُوَ لَكَ أَمْ لَكُمْ. قَالَتْ: فَكَانَ كَمَا قَالَ هَلَكَ النَّجَاشِيُّ، وَأَعْطَى كُلَّ امْرَأَةٍ مِنْ نِسَائِهِ أَوْقِيَّةً، وَأَعْطَى سَائِرَهُ أُمَّ سَلَمَةَ وَأَعْطَاهَا الْحُلَّةَ}

Maksudnya: “*Sesungguhnya aku menghadiahkan Najasyi beberapa auns minyak kasturi dan perhiasan tetapi aku merasakan dia telah meninggal dunia. Aku juga merasakan hadiah yang aku berikan kepadanya ini akan dipulangkan. Apabila hadiah itu dipulangkan kepada aku, ia akan menjadi hakmu atau hak kamu semua*”. *Firasat Baginda SAW tentang kematian Najashi adalah benar. Apabila dikembalikan hadiah itu, maka dihadiahkan kepada semua isteri-isteri Baginda SAW minyak wangi, dan baki selebihnya untuk Ummu Salamah dan diberikan juga kepadanya perhiasan.* (Hadis. al-Hakim. *Kitab Al-Nikah*. 2804)

Justeru itu, sekiranya akad hibah berkuat kuasa sebelum penerimaannya, maka Nabi SAW tidak akan bersetuju untuk menerimanya semula bahkan Baginda SAW akan menyerahkan kepada waris Najashi kerana ia akan menjadi sebahagian daripada pusaka (al-Khin, 1992).

Oleh itu, dalil ini menunjukkan akad hibah amanah yang dikaitkan dengan syarat tambahan dibolehkan.

### **Peletakan Syarat *Tasarruf* Harta Hibah Kepada Pemberi Hibah**

Syarat ini memberi hak kepada pemberi hibah untuk menggunakan sesuatu harta yang telah dihibahkan. Di dalam akad hibah amanah yang diamalkan oleh industri kewangan Islam di Malaysia, penerima hibah perlu bersetuju untuk membenarkan pemberi hibah menggunakan harta tersebut ataupun berurus niaga dan memperoleh manfaat hasil daripada harta hibah selagi mana pemberi hibah masih hidup. Syarat ini mempunyai pandangan yang berbeza di sisi fuqaha. Menurut Ibnu al-Sibagh, syarat ke atas akad hibah tertakluk kepada penyerahan harta hibah (*al-Qabd*). Sekiranya pemberi hibah menghadiahkan sesuatu barang, kemudian dia menjual sebelum sempat penerima hibah menerimanya (*al-Qabd*). Akad jual beli tersebut adalah sah dan hibah terbatal, sekiranya dia merasakan akad hibah telah belum terlaksana dengan sempurna. Namun, jika dia merasakan sebaliknya, terdapat dua pandangan.

Pertama, akad jual beli tersebut tidak sah kerana seolah-olah dia sedang mempermainkan akad hibah. Manakala, yang kedua, akad jual beli sah kerana ia masih berada dalam hak pemilikannya (Abi Yamaniyy, 2000). Pandangan ini berdasarkan riwayat oleh Imam Malik (2016) di dalam al-Muwatta' bahawa Saidina Umar RA berkata:

*"Apa akan berlaku kepada mereka yang menghadiahkan sesuatu pemberian kepada anak-anak tetapi tidak diserahkan. Ketika anak mereka mati, dia berkata: Harta ini masih milikku dan aku belum pernah menyerahkannya kepada sesiapa pun. Namun ketika menghampiri kematian, dia mengatakan: "Harta ini adalah milik anakku. Aku telah menyerahkan harta tersebut kepadanya". (Imam Malik, Jilid 3)*

Ini menunjukkan sesiapa yang memberi hibah dan penerima hibah belum menerimanya sehinggalah pemberi hibah meninggal dunia dan hartanya menjadi harta pusaka. Maka akad hibah itu adalah terbatal (al-Khin, 1992). Melalui produk hibah amanah, terdapat *takyif fiqhi* yang digunakan terhadap amalan produk ini ialah hibah dengan pengecualian manfaat (*Hibah bi istithna' al-Manfa'ah*) dalam tempoh yang dipersetujui. Sebagai mana yang diamalkan di dalam produk hibah amanah oleh Amanah Raya berhad. Ini dinyatakan dalam klausa Surat Ikatan Hibah oleh Amanah Raya Berhad iaitu:

*"Penerima Hibah melantik Penghibah sebagai Pemegang Amanah Utama bagi harta hibah tersebut bagi pihak Penerima Hibah".*

*"Penghibah dengan ini bersetuju dilantik sebagai Pemegang Amanah Utama kepada Penerima Hibah dan Penghibah dengan suci hati dan secara sukarela menerima untuk dipertanggungjawabkan sebagai Pemegang Amanah Utama kepada Harta demi menjaga kepentingan Penerima Hibah sehingga tempoh matang iaitu kematian Penghibah".*

Juga perlu dinyatakan dalam klausa Surat Ikatan Amanah Hibah iaitu

*"Pemegang Amanah Utama (penghibah) bersetuju memegang dan mentadbir Harta Hibah tersebut sehingga kematian Pemegang Amanah Utama (penghibah)".*

Hibah amanah dengan pengecualian manfaat semasa hayat penghibah berbeza dengan wasiat kerana termaktub dalam klausa Surat Ikatan Hibah. Surat ini menjadi dokumen pembuktian hibah yang telah diperbuat oleh penghibah kepada penerima hibah dalam tempoh hayat penghibah di dalam mana-mana pertikaian di mana-mana mahkamah.

Manakala wasiat, pemilikan harta adalah bermula selepas kematian pemberi wasiat. Oleh itu, status hukum hibah dengan pengecualian manfaat (*hibah bil istithna al-Manfa'ah*) atau secara umumnya ialah hibah bersyarat.

### Pandangan Fuqaha Terhadap Hibah Bersyarat

Hasil penelitian terhadap hibah bersyarat, terdapat dua pandangan di sisi fuqaha. Pertama iaitu menurut pendapat muktamad mazhab Syafie hibah bersyarat adalah tidak sah. Manakala pendapat kedua pula iaitu menurut *qawl jadid* Imam al Syafie, sebilangan ulama Maliki dan Hanbali, hibah bersyarat adalah sah. Pada pendapat jadid Imam Syafie, akad hibah umra adalah sah, tetapi syarat yang ditetapkan oleh penghibah adalah terbatal. Manakala ulama bermazhab Maliki, akad *tabarru'* antaranya akad hibah adalah akad yang boleh dihadkan dengan syarat (Ulaysh, t.t). Jika syarat dipenuhi maka terlaksanalah akad berdasarkan firman Allah SWT :

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman penuhi serta sempurnakanlah perjanjian..."(al-Quran. Al-Ma'idah:1)

Imam Ulaysh (t.t) iaitu fuqaha dalam mazhab Maliki turut menjelaskan di dalam kitab *Minah al-Jalil sharh ala mukhtasar al-Allamah Khalil* iaitu:

*"Sesiapa menghibahkan kepada seseorang sesuatu dengan syarat penerima hibah tidak boleh menjualnya dan tidak boleh menghibahkannya kepada orang lain...menurut Ibn Rushd terdapat lima pendapat ulama...pendapat keempat mengatakan hibah itu sah dan syarat yang ditetapkan perlu dilaksanakan. Barang yang dihibahkan itu berada di dalam hak milik penerima hibah seperti barang yang disimpan, tidak boleh dijual dan tidak boleh dihibahkan kepada orang lain, sehingga penerima hibah meninggal dunia, lalu diwarisi oleh ahli warisnya"* (Ulaysh, t.t).

Menurut salah satu pendapat ulama di dalam mazhab Hanbali, hukum asal menghadkan sesuatu kontrak dengan peletakan syarat adalah dibenarkan. Semua syarat yang memenuhi masalah pihak-pihak yang memeterai kontrak adalah dibenarkan (al-Buhuti, 1982; al-Rahibaniyy,1994). Seterusnya Dr Wahbah al-Zuhaili menjelaskan sebilangan ulama Hanbali membenarkan penghibah untuk membuat pengecualian pada sesetengah manfaat daripada barang yang dihibahkan itu walaupun manfaat itu tidak diketahui (al-Zuhailiyy, 2012). Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

﴿مَا عَلَى الْمُحْسِنِينَ مِنْ سَبِيلٍ ۚ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: "Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang yang berusaha memperbaiki amalannya dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani" (al-Quran. al-Tawbah: 91)

Oleh itu seseorang penghibah boleh mensyaratkan manfaat daripada barang yang dihibah itu digunakan untuk dirinya sendiri selama dia hidup atau mengecualikan manfaat rumah yang dihibah untuk digunakan oleh pemberi hibah selama dia hidup (al-Zuhailiyy, 2012). Amalan produk hibah amanah boleh dilakukan dengan mentarjihkan pendapat qaul Jadid Imam Syafi'i, sebilangan fuqaha Maliki dan Hanbali, yang mengesahkan akad hibah bersyarat. Hujah pentarjihan **pertama**, individu yang memberikan hibah telah dengan rela hati melakukan sesuatu yang mulia. Seseorang yang melakukan sesuatu akad *tabarru'* boleh diterima syarat mengikut yang dikehendakinya selagi ia tidak mengubah hukum halal menjadi haram atau haram menjadi halal. Firman Allah SWT bermaksud:

﴿مَا عَلَى الْمُحْسِنِينَ مِنْ سَبِيلٍ ۚ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya: “Tidak ada jalan sedikitpun untuk menyalahkan orang-orang yang berbuat baik” (al-Quran. al-Tawbah: 91)

Oleh itu apabila penghibah meletakkan syarat maka penerima hibah yang rela hati menerima hibah tertakluk dengan syarat yang telah dipersetujui tersebut (Ali, 2009). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah ayat 1:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian...” (al-Quran. al-Ma'idah: 1)

Begitu juga hadis daripada Kathir bin 'Amr bin 'Awf Al-Muzani yang diriwayatkan daripada ayahnya, daripada datuknya bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

{والمسلمون على شروطهم إلا شرطاً حراماً أو أحلاً حراماً}

Maksudnya: “Orang Islam itu tertakluk kepada syarat yang mereka perersetujui kecuali syarat yang menghalalkan apa yang haram dan mengharamkan apa yang halal” (Hadis. At-Tirmidhiyy. Kitab Al-Ahkam An Rasulillah SAW. 1352)

Dan hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar:

{والتأس على شروطهم ما وافق الحق}

Maksudnya: “Orang Islam itu tertakluk kepada syarat yang mereka perersetujui selagi ia bertepatan dengan kebenaran” (Hadis. Al-Bahru Az-Zakhar. Musnad Al-Bazzar. 32).

**Kedua**, penghibah meletakkan syarat adalah untuk memenuhi kemaslahatan dirinya yang diakui oleh syarak. Bahkan amalan tersebut tidak mendatangkan kemudaratan kepada penerima hibah atau masyarakat. Oleh sebab itu, Nabi Muhammad saw sendiri pernah mengamalkan hibah bersyarat iaitu melalui hadis di bawah iaitu:

{إني قد أهديت إلى النجاشي حلةً وأواقِي مسكٍ، ولا أرى النجاشي إلا قد مات، ولا أرى هديتي إلا مردودةً عليّ، فإن زُدت فهي لك قالت: فكان ما قال رسولُ الله وُزِدْتُ عليه هديتهُ، فأعطى كلَّ امرأةٍ من نسائه أوقيةً من مسكٍ، وأعطى أمَّ سلمةَ بقيةَ المسكِ والحلةِ}

Maksudnya: “Ummu Kalthum binti Abi Salamah melaporkan, apabila Nabi Muhammad berkahwin dengan Ummu Salamah baginda berkata kepadanya. Sesungguhnya saya telah memberikan hadiah kepada Najasyi beberapa perhiasan dan beberapa bekas minyak wangi Tetapi saya mendapat berita bahawa Najasyi telah meninggal dunia. Saya merasakan bahawa hadiah saya itu akan dikembalikan Jika hadiah itu dikembalikan saya akan memberikannya kepada kamu Sebagaimana yang dijangka hadiah tersebut telah dikembalikan kepada Nabi Muhammad Lalu baginda memberikan kepada setiap isterinya satu bekas minyak wangi dan memberikan kepada Ummu Salamah bekas minyak wangi yang terbaki dan perhiasan.” (Hadis. Al-Albaniyy. 1620)

Hadis ini menjadi hujah bahawa sesuatu hibah boleh diberikan syarat ta'liq kerana Nabi Muhammad mensyaratkan kepada Ummu Salamah jika hadiah itu dikembalikan maka baginda akan memberikannya kepada Ummu Salamah.

**Ketiga**, keharusan amalan hibah dengan pengecualian manfaat *hibah bi istithna al-manfa'ah* diqiyaskan dengan keharusan jual beli dengan pengecualian manfaat (*bay bi istithna al-manfa'ah*). Sebagaimana hadis yang bermaksud:



{ حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ، حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا، قَالَ سَمِعْتُ عَامِرًا، يَقُولُ حَدَّثَنِي جَابِرٌ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ يَسِيرُ عَلَى جَمَلٍ لَهُ فَذُ أَعْيَا فَأَرَادَ أَنْ يُسَبِّهُ قَالَ فَلَحِقَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَعَا لِي وَضَرَبَهُ فَسَارَ سَيْرًا لَمْ يَسِرْ مِثْلَهُ قَالَ " بَعْنِيهِ بِرُوقِيَةِ " . قُلْتُ لَا . ثُمَّ قَالَ " بَعْنِيهِ " . فَبِعْتُهُ بِرُوقِيَةِ وَاسْتَشْنَيْتُ عَلَيْهِ حُمْلَانَهُ إِلَى أَهْلِي فَلَمَّا بَلَغْتُ أَتَيْتُهُ بِالْجَمَلِ فَنَقَدَنِي ثَمَّنَهُ ثُمَّ رَجَعْتُ فَأَرْسَلَ فِي أَثْرِي فَقَالَ " أَتُرَانِي مَا كَسْنُكَ لِأَخَذَ جَمَلَكَ خُذْ جَمَلَكَ وَدَرَاهِمَكَ فَهُوَ لَكَ }

Maksudnya: "Amir melaporkan Jabir melaporkan kepada saya bahawa pada suatu hari beliau berjalan dengan untanya yang sudah lemah dan dia ingin meninggalkan. Dia berkata: "Aku bertemu Nabi SAW, lalu baginda berdoa untukku dan memukul untaku. Kemudian, unta itu berjalan dengan cepat tidak seperti biasanya". Lalu Nabi SAW bersabda: "Juallah (untamu) dengan satu uqiyah". Aku menjawab: "Tidak". Baginda mengatakan lagi: "Juallah (untamu) kepadaku". Akhirnya aku menjual kepada Baginda dengan satu uqiyah. Aku mensyaratkan agar unta itu membawaku singga pulang kepada keluargaku. Setelah tiba, aku membawa unta kepada Baginda, kemudian Baginda membayar harganya. Kemudian aku pulang, lalu Baginda berjalan di belakangku dan mengatakan: "Apakah engkau mengira aku menawarmu untuk mengambil untamu? Ambil untamu dan wang untukmu." (Hadis. al-Bukhariyy. Kitab Al-Syurut. 2718).

*Wajah dilalah* di dalam hadis ini ialah Jabir menjual untanya namun meletakkan syarat bahawa unta itu dia akan gunakan sehingga tiba di Madinah, lalu Nabi Muhammad saw menerima syarat tersebut. Ini menjadi dalil yang jelas bahawa jual beli sah walaupun diikat dengan sesuatu syarat (Barmu, 2013).

**Keempat**, antara alasan jumhur ulama yang tidak membenarkan akad hibah dikaitkan dengan sesuatu syarat adalah untuk menghindari *gharar* iaitu risiko atau ketidakjelasan. *Ilah* ini tidak wujud dalam akad hibah amanah sekiranya semua perkara telah dijelaskan dalam surat ikatan hibah dan surat ikatan amanah hibah dan kedua-dua pihak iaitu penghibah dan penerima hibah bersetuju dengan syarat yang telah dinyatakan.

**Kelima**, akad hibah adalah dalam kategori akad *tabarru'* sama dengan akad wakaf. Jika pewakaf diberikan bidang kuasa untuk menetapkan syarat bagi memenuhi *masalah* peribadinya maka seharusnya penghibah juga boleh diberi kuasa untuk meletakkan syarat bagi memenuhi *masalah* peribadinya.

**Keenam**, terdapat fatwa yang membenarkan akad hibah amanah yang mengamalkan hibah bersyarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak (Majlis Fatwa) Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat kali ke 56 pada 5 Oktober 2004 telah memutuskan pelaksanaan Hibah Amanah yang dilaksanakan oleh Bumiputra Commerce Trustee Berhad seperti berikut:

- a) Penghibah & Penerima Benefisiari reda bahawa harta hibah diserahkan milik kepada dan dipegang oleh Bumiputra Commerce Trustee Berhad bagi pihak Benefisiari.
- b) Bumiputra Commerce Trustee Berhad akan memindah milik harta hibah kepada Benefisiari secara fizikal samada selepas kematian Penghibah atau ikut terma yang telah dipersetujui melalui Surat Ikatan Hibah.
- c) Dalam pelaksanaan Hibah Pemegang Amanah boleh melaksanakan fungsi sebagai orang tengah dan konsep ini tidak bercanggah dengan rukun dan apa apa syarat sah hibah kerana kedua dua pihak bersetuju di atas perlantikan Pemegang Amanah tersebut.

**Ketujuh**, keputusan MPS BNM dalam mesyuarat kali ke 34 pada 21 April 2003 menjelaskan iaitu:

- a) Hibah ke atas manfaat takaful diharuskan selagi ia adalah hak yang dimiliki oleh peserta takaful Hibah tersebut adalah hibah bersyarat iaitu penama akan memiliki manfaat tersebut apabila peserta takaful meninggal dunia.
- b) Sebaliknya jika peserta masih hidup ketika berakhirnya tempoh matang sivil takaful tersebut akan menjadi milik peserta dan bukannya penama.
- c) Adalah jelas bahawa hibah bersyarat yang ditentukan ini menyerupai syarat ruqba iaitu pemilikan manfaat harta hibah disyaratkan hanya dimiliki oleh salah satu pihak yang hidup. Syarat ini menurut majoriti ahli fiqh adalah batal walaupun pemberian tersebut tetap sah.

Keputusan BNM ini adalah bersandarkan kepada pendapat dalam mazhab Maliki yang mengiktiraf kesahan syarat *ruqba*.

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kertas kerja ini telah mengkaji secara kritis beberapa perkembangan utama dalam hibah amanah, ia merupakan instrumen pengurusan pengaliran harta yang merupakan usaha yang boleh membawa manfaat yang besar kepada pengguna hibah di Malaysia dan negara lain, selain yang disediakan untuk penerima wakaf. Walau bagaimanapun, perbincangan hibah bersyarat sebagai produk kewangan Islam masih bersifat teori yang perlu diperbincangkan, dengan sedikit panduan yang tersedia berhubung pelaksanaannya. Khususnya, terdapat kekurangan fatwa moden mengenainya.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membantu memperkayakan literatur yang berkaitan dengan memberi sedikit penerangan tentang potensi besarnya sebagai mekanisme kehartan mikro muslim yang boleh membantu untuk mengekalkan dan membangunkan lagi di Malaysia. Fokus sebenar, adalah pada aplikasi dan pelaksanaannya. Perkara ini dibincangkan berlatarbelakangkan ketetapan Syariah mengenai akad hibah amanah yang dikaitkan dengan syarat. Isu utama ialah kebolehpercayaan pelanggan dengan adanya perundangan fiqh yang berbeza dan pemakaian hujah yang berlainan di setiap negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah relevan kerana hasil akan digunakan untuk menjadi tanda aras kepada amalan hibah amanah.

Kajian kami mendapati bahawa tidak ada teks jelas dan langsung dalam al-Qur'an dan Sunnah yang secara jelas melarang atau menyekat penggunaan hibah bersyarat. Kebaharuan dan tumpuan kajian ini terletak pada analisis hibah bersyarat dalam hukum fiqh yang dicadangkan untuk pembangunan produk hibah amanah bersama-sama dengan hujah pentarjihan yang boleh berguna kepada amalannya di Malaysia dan seterusnya ke negara-negara lainnya. Kajian ini adalah sebahagian daripada usaha pelbagai pihak untuk mempromosikan produk hibah amanah, khususnya dalam kelangsungan pemilikan kehartan masyarakat secara terjamin dan selamat.

### **PENGHARGAAN**

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan bertajuk "Produk Hibah Amanah Di Malaysia: Amalan Industri Dan Analisis Terhadap Isu-Isu Syariah Dan Undang-Undang", Kod: 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (039/2021). Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Permodalan Nasional Berhad yang telah menaja penyelidikan ini.

**RUJUKAN****Buku**

- Abi Yamaniyy, Husain Yahya Ibn Abi Al-Khayr Salim al-Imraniyy al-Shafi'iy. 2000. *Al-Bayan Fi mazhab Imami al-Shafi'iy*. Dar al-Minhaj. Jil 8, h. 116.
- al-Albaniyy, Muhamad Nasiruddin. 1978. *Irwa' al-Ghalil Fi Takhrij al-Hadis Manar as-Sabil*. Bayrut: Maktab al-Islami.
- Ali, Hasan al-Shazuliyy. 2009. *Nazariyat al-Syart fi al-Fiqh al-Islami Dirasah Muqaranah fi al-Fiqh al-Islami ma a al-Muqabalah di al-Qawanin al-Wad iyyah*. h. 160.
- Azhar, A. 2017. *Praktis hibah di Malaysia*. Penerbit Universiti Utara Malaysia. <https://uumpress.com.my/praktis-hibah-di-malaysia>
- al-'Aziz. Malibārī, Zayn al-Dīn ibn 'Abd. 1983. *Kitāb Fath al-mu'in bi-sharḥ qurrat al-'ayn. 'Āmir al-Islām*. h. 393.
- al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus, & Idris al-Hanbali. 1982. *Kashshaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Barmu, Taysir. 2013. *Istihna al manfa ah fi aqd al bay fi al fiqh al Islami*. Majallat Jâmiah Dimasyq Li al Ulûm wa al Iqtishâdiyah wa al Qanûniyah. 29(2), h. 269 -296.
- al-Bazzar, Ahmad Bin 'Amru. 1994 *Al-Bahru az-Zakhar al-makruf Bi Musnad al-Bazzar*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulam wal-Hukum.
- Effendi, J. 2013. *The role of Islamic microfinance in poverty alleviation and environmental awareness in Pasuruan east java Indonesia*. Universitätsverlag Gottingen, Gottingen, 1-150.
- al-Hakim al-Naisaburiyy, Abu 'Abdillah Muhammad ibn Abdullah. 2014. *Al-Mustadrak: 'Ala Al-Sahihayn*. Cairo: Dar al-Ta'sil. Jil 2, h. 188 dan Jil 3, h. 479.
- al-Khin, Mustafa, Al-Bugha, Mustafa & Al-Sarbaji, Ali. 1992. *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam Al-Shafi'i*. Mesir: Dar al-Qalam. Jil 6, h. 122-123.
- Mālik bin Anas bin Mālik bin Abi 'Āmir bin 'Amr bin Al-Ḥārith bin Ghaymān bin Khuthayn bin 'Amr bin Al-Ḥārith al-Aṣḥabī al-Ḥumyārī al-Madanī. 2016. *Al-Muwatta' li al-Imam Malik*. Kaherah: Dar Al-Ta'sil. Jil 3. h. 212.
- Miles, M.B. & Huberman, A.M. 1994. *Data management and analysis methods*. In: Denzin, N.K. dan Lincoln, Y.S. (Eds). *The Sage Handbook of Qualitative Research*. Sage.
- Mohd Faez Mohd Shah & Noor Naemah Abdul Rahman. 2014. *Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol. 4. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- al-Nawawiyy, Abi Zakariyya Mahy al-Din. 1991. *Rawdat al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Bayrut: al-Maktab al-Islami. Jil 5.
- al-Rahibaniyy, Mustafa bin Sa'ad bin'Abduh al-Suyuti al-Dimashqiyy al-Hanbaliyy. 1994. *Matalib Uli al-Nuha fi Syarh Ghayat al-Muntaha*. Jil 2, h. 2-26
- al-Sharbiniyy, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Fikr. Jil 2.
- Ulaysh, Muhamad ibn Ahmad. t.t. *Fath al-Ali al-Malik fi fatwa Ala Mazhab al-Imam al-Malik*. Bayrut: Dar al-Miftah, jil 1 h. 181.
- Ulaysh, Muhammad ibn Ahmad. t.t. *Sharh Minah al-Jalil 'Ala Mukhtasar al-'Allamah Khalil*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Zuhailiyy, Wahbah. 2012. *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-qodoya al-mu'asirah*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Jil 4, h. 210.

**Jurnal**

- Bengtsson, M. 2016. *How to plan and perform a qualitative study using content analysis*. Nursing Plus Open, Vol.2. 8-14.
- Etikan, I., Musa, S.A. & Alkassim, R.S. 2016. *Comparison of convenience sampling and purposive sampling*. American Journal of Theoretical and Applied Statistics, Vol. 5(1), 1-4.

- Gunarathne, N. & Senaratne, S. 2017. *Diffusion of integrated reporting in an emerging South Asian (SAARC) nation*. Managerial Auditing Journal. Vol. 32 (4/5), 524-548.
- Halim, A. H., & Bustami, T. A. A. 2017. *Perlaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia (Execution of Hibah Amanah as an Instrument of Islamic Property Management in Malaysia)*. Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia. Vol. 29(2), 310-335.
- Hsieh, H.F. & Shannon, S.E. 2005. *Three approaches to qualitative content analysis*. Qualitative Health Research. Vol. 15(9), 1277-1288.
- Noordin, N. H., Ismail, M. I., Abd Rahman, M. A. H., Haron, S. N., & Abdullah, A. 2016. *Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia*. Humanomics. Vol. 32(4), 418-436. <https://doi.org/10.1108/H-05-2016-0044>.
- Othman, N. S., Said, N. L. M., Muda, M. Z., & Muhamad, N. H. N. 2017. *Analisis Kes Amalan Hibah Bersyarat di Malaysia*. ISLAMIYYAT, Vol. 39(2), 135-142. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3902-05>
- Robertson, F.A. dan Samy, M. 2015. *Factors affecting the diffusion of integrated reporting – a UK FTSE 100 perspective*. Sustainability Accounting, Management and Policy Journal. Vol. 6(2), 190-223.

### **Konvensyen**

- Muda, M. Z. 2008. *Instrumen Hibah: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia*. Konvensyen Faraid Dan Hibah Kebangsaan.

### **Temubual dan Kesahan Pakar**

- Dr. Ahmad Basri Bin Ibrahim.. Ketua Pengurusan Syariah, Permodalan Nasional Berhad (PNB). 26 Oktober 2021.
- Tuan Haji Imran bin Mohammad Khayat. Pengurus Besar Bahagian Syariah, Tabung Haji. 1 Oktober 2022.
- Tuan Lokman Bin Ab Latiff. Ketua Bahagian Transformasi Perniagaan, Amanah Raya Berhad. 26 Oktober 2021.
- Tuan Indera Shahril Bin Mohd Shahid. Pengarah Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor. 26 Januari 2021.
- Prof. Dr. Arieff Salleh Bin Rosman. Dekan Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan UTM dan Ahli Majlis Pengawasan Syariah Amanahraya Berhad. 28 November 2011.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*